



# **KARNIVAL KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN DI SEKTOR PERTANIAN 2017**

**13 OGOS 2017**

**UCAPAN ALUAN OLEH:  
YBHG DATO' IR. MOHTAR BIN MUSRI  
KETUA PENGARAH  
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN  
PEKERJAN**

Disediakan oleh:

Sekretariat Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Assalamualaikum w.b.k.t , Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia.

*(Mohon Rujuk Senarai Protokol)*

1. Alhamdulillah, pada hari ini sama-sama kita dapat berkumpul di sini bagi Majlis Perasmian Karnival Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Sektor Pertanian 2017.
2. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada **Yang Berhormat Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib, Timbalan Menteri Sumber Manusia** kerana sudi hadir bagi menyampaikan ucapan seterusnya merasmikan program kita pada pagi ini.
3. Saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jawatankuasa Penganjur atas kerjasama yang diberikan bagi memastikan kelancaran majlis ini. Saya berasa bangga kerana aktiviti-aktiviti yang dijalankan sempena karnival ini telah menarik minat hampir 500 orang peserta yang terdiri daripada majikan, pekerja di ladang-ladang di sekitar Maran dan juga pelajar-pelajar sekolah yang berdekatan. Sesungguhnya komitmen yang ditunjukkan tuan/puan amatlah saya hargai dan tahniah diucapkan.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

4. Dalam usaha mencapai status Negara maju menjelang tahun 2020, kepesatan dan kemajuan sains dan teknologi dilihat banyak memberikan impak yang positif terutamanya dalam meningkatkan daya saing dan permintaan terhadap hasil produk dan tenaga kerja mahir di semua sektor. Ini dilihat sebagai satu perkembangan yang positif kerana ia bukan sahaja menyumbang keuntungan kepada syarikat-syarikat bahkan turut menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia khususnya.
5. Walau bagaimanapun, jika berlaku kemalangan di tempat kerjanya akan memberikan kesan buruk kepada negara secara amnya serta kesan kepada organisasi terlibat khususnya. Kemalangan yang berlaku di tempat kerja akan mengakibatkan banyak kerugian termasuk kerosakan harta benda, jentera mahu pun kehilangan anggota badan atau nyawa di samping melibatkan bayaran ganti rugi, kos perubatan, pampasan kepada keluarga mangsa dan sebagainya. Ini sekaligus menjejaskan usaha Negara dalam mencapai status Negara maju. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab kita sebagai majikan dan pekerja sama-sama memastikan kemalangan di tempat kerja ini dapat dikawal.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

6. Penganjuran Karnival KKP ini adalah bertujuan untuk:

- I. **Meningkatkan kesedaran terhadap pematuhan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan Peraturan - Peraturan dibawahnya di sektor pertanian.** Sektor pertanian memainkan peranan penting dalam ekonomi Malaysia. Hakikatnya, industri pertanian merupakan tempat kerja yang paling berbahaya di Malaysia, dengan kadar kemalangannya antara yang tertinggi berbanding sektor yang lain.
- II. **Mendedahkan para pekerja dan majikan berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan serta demonstrasi / amali.** Ianya diharap akan dapat meningkatkan kesedaran para majikan dan pekerja terhadap aspek - aspek keselamatan semasa menjalankan tugas / aktiviti di sektor pertanian.
- III. **Mempromosikan dan menjadikan keselamatan dan kesihatan pekerjaan sebagai budaya.** Adalah menjadi agenda penting negara di dalam mewujudkan tenaga kerja yang berpengetahuan dan mengamalkan budaya kerja selamat dan sihat ditempat kerja.

7. Pada hari ini pihak penganjur telah menyediakan pelbagai program dan aktiviti seperti sesi ceramah, demonstrasi, pameran serta pemeriksaan kesihatan percuma.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

8. Sebelum mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada **Yang Berhormat Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib, Timbalan Menteri Sumber Manusia** dan dif-dif jemputan di atas kesudian hadir ke Karnival Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Sektor Pertanian 2017.
9. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah sekali lagi kepada semua Ahli Jawatankuasa Penganjur iaitu Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negeri Pahang, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH), Kolej Vokasional Pertanian Chenor (KVPC) serta agensi-agensi kerajaan, swasta, agensi di bawah KSM di atas sumbangan dalam menjayakan karnival pada hari ini.

Sekian. Terima kasih.